

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[LEDANG]**

**SOALAN NO. 427**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tindakan Kementerian bagi menangani masalah pencemaran air di Sungai Johor bagi memastikan kelestarian pembekalan air di Sungai Johor demi kebaikan Singapura dan Johor serta apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang bertanggungjawab melakukan pencemaran di Sungai Kim Kim April lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tindakan penguatkuasaan ke atas punca-punca tetap pencemaran seperti kilang telah dijalankan secara berterusan bagi memastikan pelepasan efluen sentiasa mematuhi standard yang ditetapkan.
2. Selain itu, Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan pengawasan kualiti air di Sungai Johor menerusi program *Environmental Quality Monitoring Programme* (EQMP).
3. Bagi kes pembuangan haram di Sungai Kim-Kim, pertuduhan telah dibuat ke atas Syarikat dan tiga (3) orang pengarah syarikat yang mana dua (2) daripadanya adalah warga Singapura.
4. Sebanyak lapan (8) pertuduhan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS), Udara Bersih (UB) 2014 dan tujuh (7)

pertuduhan di bawah PPKAS Buangan Terjadual (BT) 2005 telah dikenakan. Kes ini sedang didengar di mahkamah.

Sekian, terima kasih.